

TARIKH	5 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	A	RUANGAN	Nasional

40 pelajar sertai Kem Bijak TaHa cuti sekolah

KUALA LUMPUR: Seramai 40 pelajar sekolah menengah di Parlimen Titiwangsa mengikuti Kem Bijak TaHa anjuran Tabung Haji dengan kerjasama *Berita Harian* sempena cuti sekolah.

Program yang diadakan selama dua hari di pusat latihan di Semenyih itu disertai pelajar berusia antara 13 hingga 17 tahun yang mendapat tajaan Pengerusi Penyelaras Barisan Nasional Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani yang menaja dari segi yuran program sebanyak RM30 dan keahlian Kelab TaHa.

Johari berkata, ini adalah inisiatif pihaknya membantu remaja di kawasan berkenaan khususnya golongan berpendapatan rendah mengikuti program menarik sempena cuti sekolah.

"Ini bagi memastikan mereka menghabiskan masa cuti sekolah dengan aktiviti bermanfaat dan menimba pengalaman baru bersama rakan-rakan.

"Selain itu, program berkenaan

juga bermanfaat untuk mereka meningkatkan motivasi melalui aktiviti yang disediakan yang diharap menjadikan setiap peserta lebih bersemangat untuk menuntut ilmu," kata beliau ketika ditemui ketika menghantar rombongan bertolak ke kem terbabit, di sini, semalam.



JOHARI (tengah) bergambar bersama sebahagian daripada 40 peserta Kem Bijak Kelab TaHa.